



Temu duga: Menonjolkan personaliti calon (Bahagian akhir)

Ruangan ini menyambung beberapa panduan kepada calon bagaimana untuk berhadapan dengan penemu duga.

Menjawab dengan yakin

Lazimnya penemu duga akan menyoal calon seperti "Sila ceritakan mengenai diri serta pengalaman anda". Soalan sebegini bertujuan melihat bagaimana calon mempersembahkan diri, keyakinan serta cara berkomunikasi.

Calon perlu menjawab dengan yakin dan lancar. Jawapan harus disokong dengan fakta yang betul bertujuan menguatkan jawapan serta meyakinkan penemu duga.

Jika tidak pasti jangan memberi jawapan "err", "umm" dan sebagainya. Sebaliknya, ambil sedikit masa untuk berfikir sebelum memberi jawapan.

Calon perlu menjawab soalan dengan memberi pandangan dan buah fikiran sendiri. Penemu

duga sangat menghargai jika calon memberi jawapan secara jujur.

Jangan berasa bimbang jika jawapan calon itu bertentangan dengan pandangan penemu duga. Apa yang penting calon berani memberi idea atau pandangan dengan sokongan fakta bernas.

Apabila menjawab soalan berkaitan latar belakang serta kelebihan calon, fokuskan jawapan mengenai latar belakang diri serta beberapa pencapaian peribadi dan profesional calon. Selain itu, janganlah memberi jawapan 'ya' atau 'tidak' sebaliknya jawab sedapat yang mungkin.

Bercakap dengan jelas

Calon perlu bercakap dengan jelas dan difahami oleh penemu duga. Sebutan yang jelas serta nada suara calon harus kuat, tetapi tidak seperti orang yang sedang marah atau menjerit-jerit.

Sekiranya suara tidak didengari penemu duga,

pastinya calon perlu mengulangi jawapan beberapa kali. Kegugupan boleh memberi gangguan kepada nada suara calon menyebabkan jawapan yang diberikan itu tidak didengari penemu duga.

Membina hubungan mata

Mungkin terdapat individu yang sukar untuk membina hubungan mata dengan orang lain terutama dengan mereka yang tidak dikenali. Dalam dunia perniagaan dan korporat hubungan mata sangat penting kerana ini menggambarkan tahap kepercayaan dan keyakinan.

Hal ini perlu dipraktikkan ketika berhadapan dengan penemu duga. Jika sukar melakukannya, berlatihlah dengan rakan calon. Ketika bertutur dengan penemu duga, pandangan mata calon harus tepat dengan mereka. Jangan menundukkan kepala atau melihat ke atas atau pandangan berkeliaran ke merata tempat tanpa melihat tepat kepada penemu duga.

Memilih untuk menundukkan kepala apabila menjawab soalan mungkin tidak disenangi penemu duga, malah melambangkan bahawa calon kurang keyakinan diri.

Berkomunikasi dengan baik

Faktor kemahiran berkomunikasi turut diberi perhatian oleh penemu duga. Ketika ditemu duga, calon harus menunjukkan kemahiran komunikasi yang baik di hadapan penemu duga.

Ini disebabkan ke-



mahiran berkomunikasi penting dalam pekerjaan calon kelak serta mampu mewujudkan perhubungan yang lebih berkesan dengan ketua dan pekerja lain.

Bertanya jika diberi peluang

Terdapat penemu duga yang memberi peluang kepada calon untuk bertanya soalan. Jangan hanya tersenyum atau

berkata 'tidak ada' sebaliknya ambil peluang itu.

Calon boleh bertanya penemu duga misalnya, mengenai cabaran utama serta kesesuaian calon terhadap pekerjaan yang dipohon itu jika diberi peluang berbuat demikian. Atau kemukakan soalan seperti jumlah pekerja dalam organisasi

barkan calon seorang yang berminat mengetahui lebih banyak mengenai pekerjaan dan organisasi itu.

Penetapan gaji

Penetapan gaji ialah suatu perkara yang penting, namun calon jangan bertanya mengenainya sehinggalah ditimbulkan oleh penemu duga. Sebagai perediaan, buatlah sedikit kajian dan analisis mengenai jumlah gaji bagi jawatan seumpama itu yang ditawarkan oleh organisasi lain di pasaran.

Jika terpilih, penemu duga akan menawarkan sejumlah gaji permulaan kepada calon. Calon boleh berbincang untuk jumlah yang lebih munasabah berdasarkan analisis yang dilakukan jika tawaran itu agak rendah.

Meninggalkan sesi temu duga

Apabila selesai sesi temu duga, ucapkan terima kasih serta berilah senyuman ikhlas kepada penemu duga. Bangunlah secara tertib daripada kerusi dan berjalan keluar menuju pintu yang sama seperti ketika calon melangkah masuk. Ini penting kerana calon masih dinilai sehinggalah hilang daripada pandangan mereka.